



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**  
**(MOTAC)**

**OPERASI BERSEPADU MOTAC SASAR ENTITI TIDAK BERLESEN DAN**  
**MENYALAHGUNA LESEN EJEN PELANCONGAN**

---

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengkoordinasi satu operasi penguatkuasaan bersepadu bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) pada 9 dan 10 April 2026 di sekitar Kota Kinabalu, Tawau dan Semporna, Sabah.

Operasi bersasar ini adalah hasil aktiviti risikan selama beberapa bulan dan memberi fokus kepada kesalahan yang boleh disabitkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan lain-lain perundangan berkaitan. Antara kesalahan tersebut termasuklah beroperasi tanpa lesen yang sah, gagal mematuhi syarat lesen ditetapkan, mengurus niaga dengan pihak yang tidak berlesen, menjadi proksi kepada entiti asing yang disyaki dan gagal mengisytihar atau membuat pengisytiharan palsu cukai pendapatan.

Sebanyak 13 premis perniagaan dan 11 individu telah diperiksa sepanjang tempoh operasi. Pegawai penguat kuasa MOTAC telah mengeluarkan 7 notis pemeriksaan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 482 termasuk 2 notis kerana menjalankan perniagaan pelancongan tanpa lesen yang sah dan 2 notis kerana mengurus niaga dengan entiti tidak berlesen. Siasatan lanjut akan diteruskan sebelum tindakan perundangan diambil terhadap kesalahan yang melibatkan entiti, pemilik dan pihak yang berkaitan.

MOTAC memberi amaran tegas kepada mana-mana pihak yang tidak berlesen untuk tidak menyediakan perkhidmatan pelancongan meliputi pengangkutan,

penginapan atau penganjuran aktiviti pelancongan sama ada secara dalam talian, media sosial, fizikal atau melalui medium lain. Jika disabitkan kesalahan, pihak terlibat boleh dikenakan denda maksimum RM500,000.00 atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya di bawah Akta 482.

MOTAC juga mengingatkan semua penggiat industri pelancongan berlesen supaya tidak berurus niaga dengan mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan pelancongan secara tidak sah, tidak berlesen atau menggunakan kenderaan yang bukan dilesenkan untuk tujuan pelancongan oleh pihak berkuasa. MOTAC tidak akan berkompromi dalam memastikan keselamatan pelancong, dan tindakan undang-undang akan diambil sekiranya berlaku sebarang insiden atau pelanggaran peraturan.

Penguatkuasaan undang-undang secara menyeluruh dan berkesan akan diteruskan melalui kerjasama rentas agensi sejajar dengan prinsip tadbir urus baik, keadilan dan keyakinan di bawah kerangka Malaysia MADANI. Orang ramai dan penggiat industri turut dialu-alukan untuk menyalurkan sebarang maklumat tentang aktiviti pelancongan yang disyaki melanggar peraturan melalui saluran Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) (<https://motac.spab.gov.my/eApps/system/index.do>).

MOTAC kekal komited dalam memastikan industri pelancongan negara terus berkembang secara mampan dan selamat demi kesejahteraan pelancong serta memelihara imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia.

**Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya**  
**14 April 2026**

*Dikeluarkan oleh:*

**Unit Komunikasi Korporat**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**  
*Tel : 03-8891 7197 | Fax : 03-8891 7181*  
*Laman web : [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) | E-mel : [group.ukk@motac.gov.my](mailto:group.ukk@motac.gov.my)*  
*Media Sosial - Facebook, Instagram, X & TikTok : @mymotac*

